




Lihat, robot ini bergerak!

Apakah perbezaan antara kita dengan robot?



Hidup atau Bukan Hidup

Yang manakah benda hidup?
Yang manakah benda bukan hidup?

burung

SILA JAGA
KEBERSIHAN

pokok

pondok

teratai

itik

katak

batu

bunga

3.1.1

Buku Aktiviti
Halaman:

13

Manusia, pokok dan burung ialah contoh benda hidup.
Anak patung, kereta dan batu ialah contoh benda
bukan hidup.

kapal terbang

Namakan benda
hidup dan benda
bukan hidup
yang lain.



kereta

anak patung

manusia

kucing

tong sampah

bangku



Ciri Benda Hidup

Memerlukan air
dan makanan

Bernafas

Semua benda
hidup mesti
mempunyai
ciri-ciri ini.



bayi



kanak-kanak



dewasa

Bergerak



Membiak



Membesar



telur

anak ayam

ayam dewasa



Yang sama dan berbeza

Apakah persamaan antara benda hidup dengan benda bukan hidup? Apakah perbezaannya?



Burung dan kapal terbang boleh **bergerak**.

Apakah **perbezaan** antara burung dengan kapal terbang pula?

Burung **bernafas**, memerlukan **air** dan **makanan**, **membiak** dan **membesar**, manakala kapal terbang tidak.

Burung ialah **benda hidup**.

Kapal terbang ialah **benda bukan hidup**.

**ALAT DAN BAHAN**


- gam
- pen penanda
- kad manila
- gambar belon
- gambar belon dan katak
- gunting

**AKTIVITI KUMPULAN****AWAS!****Langkah-langkah**

- 1 Tiup belon dan lepaskan belon itu ke udara.
- 2 Kenal pasti persamaan dan perbezaan ciri antara belon dengan katak.
- 3 Rekodkan pemerhatian kamu dalam jadual seperti di bawah.

	Bernafas	Memerlukan air dan makanan	Bergerak	Membiak	Membesar
Katak	✓	✓	✓	✓	✓
Belon			✓		✓

- 4 Hasilkan peta buih banding beza seperti yang berikut.

**SOALAN**

1. Apakah persamaan antara belon dengan katak?
2. Apakah perbezaannya? Mengapa?

Semua benda hidup mesti mempunyai semua ciri iaitu **bernafas, memerlukan air dan makanan, bergerak, membiak dan membesar.**



3.1.1

**Info Guru**

- Minta murid menggunakan dasar botol dan penutup botol mineral atau mana-mana bahan yang sesuai untuk menghasilkan peta buih.
- Guru boleh menggunakan benda hidup dan benda bukan hidup lain dalam aktiviti ini seperti gelang getah dan amab, atau kipas dan pokok semalu.



Kecil dan Besar

Mari kita pergi ke safari!



Terdapat pelbagai jenis haiwan di sana. Adakah saiz haiwan-haiwan itu sama? Mari kita susun haiwan-haiwan tersebut mengikut urutan saiz daripada besar kepada kecil.



gajah



seladang



rusa



kucing hutan




tikus

Mari kita susun haiwan-haiwan ini mengikut urutan saiz daripada kecil kepada besar pula.



Susunan haiwan mengikut urutan saiz daripada kecil kepada besar ialah:



Mari Jawab



1. Perhatikan tumbuhan dalam gambar di atas.
2. Susunkan tumbuhan mengikut urutan saiz daripada kecil kepada besar.

Susunan tumbuhan mengikut urutan saiz daripada kecil kepada besar ialah _____, _____, _____ dan _____.



Keperluan Asas Benda Hidup

Benda hidup memerlukan **makanan**, **air** dan **udara**. Manusia, haiwan dan tumbuhan memerlukan keperluan asas dengan cara yang berlainan.

Makanan

Tumbuhan **membuat makanannya sendiri**.

Manusia dan haiwan memerlukan makanan untuk **mendapatkan tenaga**.

Udara

Tumbuhan memerlukan udara untuk **bernafas** dan **membuat makanan**.

Manusia dan haiwan memerlukan udara untuk **bernafas**.

Air

Manusia dan haiwan memerlukan air untuk **menghilangkan dahaga**.

Akar pokok menyerap air untuk **membuat makanan**.

3.2.1
3.2.2
3.2.5

Nota Guru

- Cahaya matahari juga diperlukan oleh tumbuhan untuk proses membuat makanannya.

Buku Aktiviti
Halaman:

17-18, 20, 22

Manusia dan haiwan perlu berlindung

Mengapakah manusia dan haiwan memerlukan tempat perlindungan?

Berlindung
daripada
hujan dan
panas



Berlindung
daripada
bahaya



Manusia dan haiwan memerlukan tempat perlindungan untuk melindungi diri daripada hujan, panas dan bahaya.



KBAT

Apakah yang akan berlaku sekiranya manusia dan haiwan tiada tempat perlindungan?

Pentingnya keperluan asas

Mengapakah makanan penting kepada manusia dan haiwan?

Makanan

Memberi tenaga



Makanan memberi saya tenaga untuk mengangkat barang.

Makanan

Untuk membesar



Makanan juga membolehkan manusia dan haiwan membesar.



KBAT

Apakah akan terjadi sekiranya manusia dan haiwan tidak mendapat makanan?

Mengapakah air, udara, dan tempat perlindungan penting kepada manusia dan haiwan?

Air

Sumber asas hidupan



Mujurlah masih ada air.



Haiwan mati kerana kehabisan air

Udara

Sumber asas hidupan



Lemaslah saya.



Terima kasih. Saya boleh bernafas semula.

Tempat perlindungan



Haiwan berlindung daripada bahaya, hujan dan panas

KBAT

Apakah akan terjadi jika kita tidak mendapat udara dan air?



Mari Uji

Biji Benih Bercambah



ALAT DAN BAHAN

- dua bekas plastik
- tisu
- air
- penitis
- kacang hijau



AKTIVITI KUMPULAN

Langkah-langkah



- 1 Labelkan bekas plastik dan masukkan tisu ke dalamnya.



- 2 Titiskan air ke dalam bekas A sehingga tisu basah.



- 3 Taburkan kacang hijau ke dalam bekas plastik A dan B.

- 4 Perhatikan keadaan kacang hijau dalam kedua-dua bekas selepas 3 hari.

- 5 Lakarkan perubahan biji kacang hijau.



SOALAN

1. Perhatikan perubahan yang berlaku. Apakah ciri benda hidup yang dapat diperhatikan?
2. Apakah keperluan asas kacang hijau?



Mari Ulang Kaji

1. Nyatakan semua ciri benda hidup.
2. Sebutkan haiwan mengikut urutan saiz daripada kecil kepada besar.

kambing

semut

arnab

kuda

3. Namakan keperluan asas benda hidup di bawah.



4. Mengapakah manusia dan haiwan memerlukan makanan?

5. Bagaimanakah tumbuhan mendapatkan makanan?

6. Saya melindungi manusia dan haiwan daripada bahaya dan cuaca buruk.

Siapakah saya?



Ingat Semula

- Benda hidup mempunyai keperluan asas iaitu makanan, air dan udara.

	Makanan	Air	Udara
Manusia dan Haiwan	Mendapatkan tenaga	Menghilangkan dahaga	Bernafas
Tumbuhan	Membuat makanannya sendiri	Membuat makanan	Bernafas dan membuat makanan

- Manusia dan haiwan juga memerlukan tempat perlindungan untuk melindungi diri daripada cuaca buruk dan bahaya.



Rekreasi Sains

Hasilkan penanda buku yang menarik yang mengandungi ciri-ciri benda hidup.

